



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1440H/2019M**

**DEWAN BANKUET
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
BANDAR SERI BEGAWAN
HARI SELASA, 27 SYAWAL 1440 BERSAMAAN 2 JULAI 2019**

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Aidilfitri AMBD pada hari Selasa, 27 Syawal 1440 bersamaan dengan 2 Julai 2019 di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri.
2. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Ramah Mesra tersebut dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; Ahli-Ahli Pengurusan; serta pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Selain menyambut bulan Syawal, majlis ini juga meraikan pegawai dan kakitangan AMBD. Acara ini merupakan sebuah platform bagi pihak pengurusan, pegawai dan kakitangan AMBD untuk berkumpul dan memupuk semangat bekerjasama, iaitu salah satu daripada Nilai-Nilai AMBD. Dalam acara ini juga, AMBD berkesempatan untuk menghargai warga AMBD yang telah berkhidmat dengan AMBD dan bersara pada tahun 2018 dan awal tahun 2019.
4. Sebelum berkenan berangkat ke Dewan Bankuet, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama dengan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD dan warga AMBD.

5. Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan untuk menyempurnakan pengurniaan cenderahati dan sijil penghargaan kepada dua orang warga AMBD yang telah bersara, dan seterusnya berkenan berangkat melawat Pondok Hari Raya AMBD yang bertemakan 'Raya Klasik', yang telah dilahirkan dan dibina melalui kreativiti dan kemahiran pegawai dan kakitangan AMBD.
6. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD, Ahli-Ahli Pengurusan serta para pegawai dan kakitangan AMBD.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Syawal 1440/ 2 Julai 2019

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2019